

"KEDAH SEJAHTERA"

BEND20120906-KB2370

06 September 2012

PEKELILING BENDAHARI BIL 9/2012

Semua Dekan/Pengarah Pusat Pengajian/ Pengarah Institut
Universiti Utara Malaysia)

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan

**ELAUN MESYUARAT DAN KEMUDAHAN KEPADA AHLI
JAWATANKUASA PENASIHAT AKADEMIK DARI PIHAK LUAR**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Ke 80 Bil. 4/2012 pada 26 Julai 2012 telah meluluskan supaya semua Ahli Majlis Penasihat yang dilantik secara rasmi oleh universiti dari pihak luar yang tidak dibayar elauan tahunan, dibayar elauan mesyuarat sebanyak RM500 untuk setiap kali kehadiran mesyuarat disamping membiayai perbelanjaan perjalanan, makan dan penginapan.

Bersama-sama ini dilampirkan petikan minit mesyuarat LPU yang berkaitan sebagai rujukan.

Sekian, terima kasih.

"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menurut perintah


HJ AMPON MAN
Bendahari
Universiti Utara Malaysia

- s.k.** - **Naib Canselor**
- **Timbalan-Timbalan Naib Canselor**
- **Edaran**

ii) bersetuju meluluskan cadangan Skim Biasiswa PraSiswazah bagi pelajar Antarabangsa.

3.3.6 Kertas Bil. 31/80 - Cadangan Bayaran Elaun Mesyuarat dan Lain-lain Kemudahan kepada Ahli Jawatankuasa Yang Ahlinya Dari Luar UUM

Lembaga

i) mengambil maklum

- a) Untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) mengenai cadangan bayaran elaun mesyuarat dan lain-lain kemudahan kepada Ahli Jawatankuasa Mesyuarat yang ahlinya adalah dari luar UUM.
- b) Pada masa kini peraturan sediaada membenarkan bayaran elaun menghadiri mesyuarat dibayar kepada ahli sama ada sektor awam atau swasta yang bukan kakitangan UUM dibayar seperti berikut :
 1. Mesyuarat Lembaga Pengarah
 - Pengerusi : RM1,000.00
 - Ahli : RM500.00
 2. Elaun kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa :
 - Jawatankuasa Tetap Kewangan
 - Jawatankuasa Tetap Perkhidmatan dan Perjawatan
 - Jawatankuasa Audit Universiti
 - Jawatankuasa Perolehan A dan B
 - Pengerusi : RM500.00
 - Ahli : RM250.00
 - c) UUM juga menyediakan bayaran tetap bagi skim berikut :

Jawatan	Kadar
Profesor Adjung	- RM6,000.00 setahun
Felo Adjung	- RM3,000.00 setahun
Karyawan Tamu Utama	- RM6,000.00 setahun dan Elaun Harian RM500.00 sehari
Karyawan Tamu	- RM3,000.00 setahun dan Elaun Harian RM150.00 sehari
Lembaga Penasihat OYA GSB	- RM6,000.00 setahun
Distinguished Visiting Professor	- USD1,000 sehari
Felo Universiti	- RM6,500 hingga RM18,000 sebulan mengikut kategori
Penilai Luar Universiti	- USD1,000 sekali sahaja dan Elaun RM100 perdiem
Pemeriksa Viva (Luar)	- RM700 (Sarjana) - RM800 (PhD)

- d) UUM juga telah meluluskan bayaran Elaun Hadir Mesyuarat sebanyak RM500.00 kepada Ahli Majlis Penasihat Universiti Industri.
- e) Senarai elaun dan pembiayaan kemudahan mengikut kategori adalah seperti yang dikemukakan di Lampiran 1.
- f) Sejajar dengan perkembangan peranan dan aktiviti Institut dan Pusat-pusat di UUM, Universiti telah melantik pihak luar sebagai Ahli Majlis Penasihat melibatkan Institut/Pusat seperti berikut :
 - (1) Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI)
 - (2) Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir (IPDM)
 - (3) Pusat Jaringan Universiti-Industri (CUIC)
 - (4) Pusat Pengajian Siswazah Othman Yeop Abdullah (OYA GSB)
- g) Peranan Ahli Penasihat ini ialah untuk memberi nasihat dan pandangan berkaitan silibus, khidmat rundingan dan rangkaian dengan universiti dan industri.
- h) Sehingga kini Ahli Majlis Penasihat OYA GSB telah diluluskan bayaran sebanyak RM6,000.00 setahun sementara Ahli Pemeriksa Majlis CUIC dibayar

elaun kehadiran mesyuarat sebanyak RM500.00 setiap kali mesyuarat.

- i) Universiti merasakan adalah wajar supaya semua Ahli Majlis Mesyuarat yang tidak dibayar elaun tahunan, dibayar elaun mesyuarat sebanyak RM500.00 untuk setiap kali kehadiran mesyuarat di samping membiayai belanja perjalanan, makan dan penginapan.
- j) Ianya melibatkan jumlah ahli seramai 15 orang dengan kos sebanyak RM7,500.00 setiap kali mesyuarat. Mesyuarat diadakan sebanyak sekali setahun.
- k) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Kali Ke-184, Bil.4/2012 pada 2 Julai 2012 telah bersetuju dengan cadangan bayaran elaun berkenaan untuk pertimbangan dan kelulusan Mesyuarat JKTK/LPU.
- l) Ulasan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan
 1. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Ke-160, Bil.3/2012 pada 19 Julai 2012 telah bersetuju meluluskan bayaran elaun mesyuarat sebanyak RM500.00 untuk setiap kali kehadiran mesyuarat di samping membiayai belanja perjalanan, makan dan penginapan.
 2. Jumlah ahli yang terlibat seramai 15 orang dengan kos sebanyak RM7,500.00 setiap kali mesyuarat.
 3. Mesyuarat juga memperakukan untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah.
- ii) bersetuju untuk meluluskan cadangan bayaran elaun mesyuarat dan lain-lain kemudahan kepada ahli Jawatankuasa yang ahlinya dari luar UUM, seperti dibentangkan di atas.